

10 MAY 1997

Mahathir-Kebersihan

PM TIDAK PUAS HATI CARA HIDUP RAKYAT

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa tidak puas hatinya dengan cara hidup rakyat negara ini yang tidak melambangkan status sebenar sebuah negara yang berpendapatan sederhana.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno itu berkata walaupun status Malaysia sudah meningkat, cara hidup rakyat masih di tahap lama "sebagai sebuah negara yang daif dan miskin."

"Cara hidup rakyat Malaysia masa kini masih di tahap lama walaupun negara ini sudah menjadi 'middle income country' (negara berpendapatan sederhana)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Sehubungan itu, satu visi khas akan dilaksanakan oleh majlis-majlis berkuasa tempatan bagi meningkatkan cara hidup rakyat melalui amalan kebersihan.

Naib Presiden parti Datuk Seri Najib Tun Razak ketika menjelaskan perkara itu berkata, MT membincangkan dengan panjang lebar saranan Presiden parti untuk membanteras kekotoran terutama di tempat-tempat awam seperti rumah pangsa, tandas awam dan gerai penjaja.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata, bagi membudayakan amalan kebersihan dalam hidup rakyat Malaysia, MT memutuskan agar pelajar-pelajar dilibatkan dalam kerja menjaga kebersihan kawasan sekolah.

"Garis panduan akan dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan sedikit masa lagi untuk menentukan peranan pelajar termasuk kerja amali seperti mengutip sampah, mencuci lantai, menyapu dan menjaga kebersihan tandas," katanya.

Beliau berkata, MT turut meluluskan cadangan penubuhan sebuah pusat latihan Umno yang akan mengendalikan latihan menyeluruh bagi menanam kesedaran lebih mendalam mengenai prinsip dan matlamat perjuangan parti di kalangan anggotanya.

"Pusat itu juga akan memberi penekanan kepada nilai-nilai murni dalam menjadikan anggota Umno yang lebih komited," katanya.

Katanya, lokasi pusat latihan itu akan ditentukan tidak lama lagi manakala kurikulum yang akan dilaksanakan adalah berasaskan ciri-ciri kursus Perdana yang dikendalikan oleh Presiden parti.

Mesyuarat MT itu turut mencadangkan agar ayat-ayat al-Quran dan tafsirannya berhubung perkara-perkara yang baik dan membina dalam kehidupan dipaparkan melalui papan-papan tanda di tempat awam.

Menurut Dr Mahathir, MT berpendapat bahawa banyak daripada ajaran al-Quran terutama mengenai perkara-perkara yang membina tidak disebarikan secara meluas.

"Walaupun perkara itu terdapat berulang kali di dalam al-Quran, tetapi nampaknya ramai yang tidak mengetahuinya. Sebab itu kita berpendapat adalah perlu untuk mengadakan papan tanda yang menyebut ayat (al-Quran) dan tafsirannya supaya orang Islam di Malaysia ini boleh mengetahui ajaran agamanya," katanya.

-- BERNAMA

RAZ NMO